

UPM laksana projek rintis EPC

» UA pertama ambil langkah penjimatan tenaga

Oleh Basir Zahrom

basir_zahrom@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Universiti Putra Malaysia (UPM) muncul universiti awam (UA) pertama melaksanakan projek rintis Perkhidmatan Kontrak Prestasi Tenaga (EPC) berskala besar bagi menjimatkan penggunaan elektrik di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatannya (FPSK).

Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan, berkata pihaknya mengambil langkah proaktif dalam melaksanakan inisiatif itu, selari saranan kerajaan berkaitan pelaksanaan kaedah penjimatan tenaga.

Beliau berkata, projek dengan kerjasama Siaz Holding Berhad itu, dijangka menji-



Took Gee (tengah) bersama Dr Mohd Fauzi (dua dari kiri), Asrul Muniff (kanan) dan Mohamad Zukhairi (dua dari kanan) pada majlis menandatangani perjanjian antara UPM dan Siaz Holding Berhad di Kuala Lumpur, semalam.

[FOTO SURIANIE MOHD HANIE/BH]

matkan sehingga 30 peratus daripada penggunaan elektrik oleh FPSK untuk tempoh lima tahun.

Jimat perbelanjaan

"Nilai prestasi tenaga akan dibuat secara tahunan. Ketika ini, audit tenaga sudah siap dijalankan, malah laporan interim sudah pun dibentangkan.

"Susulan jangkaan tarif elektrik akan meningkat pada masa hadapan, langkah ini (pelaksanaan EPC) akan menjimatkan perbelanjaan UPM

membabitkan bil elektrik dan membolehkan peruntukannya digunakan bagi tujuan lebih mendesak seperti kemudahan makmal serta pembangunan pelajar.

"UPM juga mempunyai perancangan untuk melaksanakan EPC di seluruh kampus selepas menilai keberkesanan pelaksanaannya. Berdasarkan purata bil elektrik FPSK ialah RM380,000 sebulan, kami berharap kerjasama ini mampu menjimatkan sehingga RM1.3 juta setahun," katanya.

Beliau berkata demikian

pada sidang media selepas majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Siaz Holding di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini, semalam.

Pada majlis itu, Mohd Fauzi mewakili UPM, manakala Siaz Holding diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, Asrul Muniff Azizan, sambil disaksikan Ketua Setiausaha Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Loo Took Gee serta Pengarah Urusan Kumpulan Siaz Holding Berhad, Mohamad Zukhairi Abdull Rahim.